

Kelekaan sekat impian UKM FC cipta kejutan

KELEKAAN barisan pertahanan pada penghujung perlawanan menafikan impian menggunung UKM FC untuk melakar kejutan apabila tewas 0-1 kepada juara bertahan, Pahang pada aksi pusingan ketiga Piala FA di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, malam kelmarin.

Selepas berjaya memberikan tekanan kepada skuad Tok Gajah sehingga minit ke-85, skuad bimbingan Sulaiman Husin itu akhirnya terpaksa akur selepas kapten Pahang, Matthew Davies menjaringkan gol tunggal perlawanan.

Bagi Sulaiman, taktikal yang direncanakan kelihatan menjadi, namun sedikit kelekaan selepas beberapa pertukaran pemain ekoran kecederaan menyebabkan Pahang memperoleh gol kemenangan.

"Pemain-pemain sudah



Tonggak UKM FC, Alexandru Tudose (kiri) berjaya merantal pergerakan penyerang Pahang, Dickson Nwakaeme pada aksi di Manjung.

mengikuti arahan yang diberikan, cuma sedikit kelekaan khususnya apabila berlaku pertukaran pemain dan tanggungjawab menjaga pemain lawan sedikit terabai.

"Semua pemain saya hanya melihat bola mudah masuk ke dalam gawang, saya tidak boleh menyalahkan penjaga gol tetapi pemain pertama yang tidak menyele-

saikan gerakan pada peringkat awal. Secara keseluruhannya, saya bangga dengan pencapaian para pemain selepas kami hampir mengejutkan pelawat," jelasnya.

Pada masa sama, Sulaiman turut mengakui jika jentera serangan tidak memanfaatkan peluang terhidang, ia adalah satu kerugian buat pasukan.

"Semua orang akan fikir selepas persembahan baik disajikan UKM FC kemudian melepaskan gol yang mudah akhirnya kami tewas. Macam saya cakap, kalau kamu tidak ambil peluang, orang lain akan menggunakannya.

"Kami memiliki beberapa peluang tetapi tidak menggunakan sepenuhnya peluang tersebut, lihat bagaimana lawan memanfaatkan peluang dan mereka berjaya menjaringkan gol," ujarnya.